

MENGENAL PASTI KESALAHAN TATABAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

IDENTIFYING GRAMMATICAL ERRORS AMONG DIPLOMA STUDENTS AT SULTAN ISMAIL PETRA INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE (KIAS)

Noorhanis binti Amran¹

Nurul Izzwani binti Md Khairuddin²

Amrina Rasyada binti Kamaruzaman³

Shafwan Ismail⁴

Nurmasitah binti Mat Hassan⁵

¹. Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 15370 Kota Bharu, Malaysia, (E-mail: hanisnoor91@gmail.com)

². Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Malaysia (E-mail: nurulizzwani92@gmail.com)

³. Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: amrina.rasyada93@gmail.com)

⁴. Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: ismailshafwan@gmail.com)

⁵. Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra 15370 Kota Bharu, Malaysia (E-mail: mhnurmasitah@gmail.com)

Article history

Received date : 23-10-2024

Revised date : 24-10-2024

Accepted date : 30-11-2024

Published date : 8-12-2024

To cite this document:

Amran, N., Md Khairuddin, N. I., Kamaruzaman, A., R., Ismail, S., & Mat Hassan, N. (2024). Mengenal pasti kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar diploma Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) . *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 26-34.

Abstrak: Bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi yang digunakan oleh pelajar. Bahasa seseorang mencerminkan pemikirannya dan semakin terampil seseorang berbahasa maka semakin cerah dan jelas pula jalan pemikirannya. Peranan bahasa sangat penting dalam kehidupan sehari-hari, baik bahasa lisan mahupun bahasa tulisan. Jadi penggunaan tatabahasa yang salah akan menjelaskan bahasa Melayu. Tujuan kajian ini dilakukan bagi mengetahui penggunaan kesalahan imbuhan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar diploma. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti jenis-jenis imbuhan apitan kata kerja bahasa Melayu pelajar-pelajar dalam penulisan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dengan mengagihkan borang soal selidik kepada 80 orang pelajar diploma yang mempelajari bahasa Kebangsaan di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kajian tertumpu kepada aspek morfologi sahaja. Data kajian dikumpul melalui agihan borang soal selidik. Data-data seterusnya dianalisis menggunakan dua kaedah yang utama, iaitu analisis statistik untuk mencari kekerapan dan peratusan kesalahan penggunaan imbuhan mengikut kategori imbuhan kata kerja bahasa Melayu berdasarkan teori sistemik. Analisis kedua, iaitu menggunakan teori sistemik bagi menghuraikan dan menjelaskan salah betul penggunaan jenis-jenis kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti dalam borang soal selidik. Dengan menggunakan pendekatan

teori sistemik, khasnya melalui peraturan sintagmatik, segala bentuk kesalahan imbuhan dapat diterangkan dengan saintifik dan terperinci. Kesemua jenis kesalahan imbuhan dapat dikaitkan secara sistematis. Kaitan secara sistematis ini bermaksud kesalahan penggunaan imbuhan bagi setiap kategori itu mempunyai motivasinya tersendiri yang boleh diterangkan. Kajian ini berhasil menunjukkan pertalian di antara proses terbitan kata (morfologi) dan makna imbuhan yang dikaji. Dapatkan menunjukkan bahawa pelajar diploma masih lemah menggunakan imbuhan khususnya imbuhan kata kerja. Seterusnya, kajian ini telah memberikan satu cara alternatif tentang bagaimana meningkatkan prestasi penggunaan imbuhan dalam kalangan pelajar, iaitu melalui latih tubi dan kaedah permainan di bilik darjah.

Kata Kunci: Tatabahasa, Pelajar, KIAS

Abstract: *Language is a way to interact used by students. One's language reflects the thoughts and the skilled person speaking, the more bright and obvious way of thinking. The role of language is very important in daily life, whether spoken or written. By the use of incorrect grammar it will affect Malay language. The purpose of this study is to investigate the use of an adjustment in the Malay language among diploma student. The objective of this study is to identify the type of adjustment clamp verb used by students in writing. This study uses the method by distributing questionnaires to 80 students in Diploma of National Language at Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). The study focused on morphological aspects only. Data were collected through questionnaire form. These data were further analyzed using two different methods, namely the statistical analysis to find the frequencies and percentages by category of error in the use of the verbs (KK) of Malay language based on systematic theory. The second analysis, which is the use of systematic theory to explain and clarify any incorrect use of the types of errors in the use of the verb (KK). Systemic theoretical approach, especially through sintagmatik rules, all forms of compensation error can be explained in specific and scientifically. All types of errors can be related systematically. The relevance of this systematic error means that the errors in each of the category has its own motivation that can be explained. This study successfully shows there is a relationship between the formation of words (morphology) and meaning of the affix studied. From the findings, it shows that the diploma students are lacking in the usage of the verb. This research has provided an alternative on how to improve the performance of using verb among student, namely through drills and methods of play in the classroom.*

Keywords: Grammar, Student, KIAS

Pengenalan

Kesalahan bahasa merupakan satu cabang aplikasi dalam bidang linguistik yang diperkenalkan oleh Corder (1967) dan sehingga kini teori ini masih digunakan dalam pembelajaran bahasa. Tidak banyak kajian dilakukan untuk melihat permasalahan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar khususnya dari aspek tatabahasa. Menurut Jeniri (2005), bahasa Melayu mudah untuk dipelajari, tetapi susah untuk dikuasai. Banyak kajian telah dilakukan dalam menganalisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pengkaji. Namun, kebanyakan kajian hanya menumpukan kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar asing dan penutur jati tetapi kajian terhadap penutur jati masyarakat Melayu Kelantan yang mengambil pengajian diploma di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) masih belum lagi dikaji. Sebagai contoh, pengkaji lepas iaitu Nor Asmah (2009) telah mengkaji kajian Analisis Kesalahan Bahasa terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, Nora binti Yusof (2012) mengkaji Kesalahan Bahasa dalam Karangan

Pelajar Cina Tingkatan 2 dan Umaimah binti Kamarulzaman (2012) mengkaji Kesalahan Imbuhan Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Menurut Jeniri (2005), bahasa Melayu mudah untuk dipelajari, tetapi susah untuk dikuasai. Pelajar asing didapati tidak dapat menguasai kemahiran tatabahasa dengan sepenuhnya (Juriah, 2001).

Walau bagaimanapun, kesalahan bahasa akan berlaku apabila pelajar-pelajar belum menguasai keseluruhan atau sepenuhnya sistem bahasa kedua yang sedang dipelajari secara formal (Corder, 1981). Bagi pelajar diploma di KIAS, mereka menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi tanpa menggunakan tatabahasa yang betul. Bagi mereka, cukup sekadar pendengar memahami apa yang disampaikan oleh mereka sahaja. Oleh itu, penggunaan tatabahasa yang salah akan menjelaskan kedaulatan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk mengkaji kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar semasa proses pembelajaran.

Berdasarkan kelompongan kajian kesalahan bahasa dalam kosa ilmu lepas, pengkaji mendapati pengkaji lepas hanya menumpukan kajian terhadap kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di IPTA dan juga pelajar tempatan di peringkat sekolah menengah sahaja. Kebanyakan kajian lepas juga, hanya memberi fokus kepada kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan sahaja. Oleh itu, pengkaji berusaha memperluaskan kajian berkaitan dengan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar diploma di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik bagi menguji kefahaman mereka terhadap jenis-jenis imbuhan apitan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar-pelajar dalam penulisan.

Kajian Literatur

Satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji jenis-jenis dan kekerapan kesalahan tatabahasa (TB) Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama telah dijalankan oleh Muhammed Salehudin bin Aman (1993). Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu antara kedua-dua kumpulan tersebut. Kumpulan Status Sosioekonomi (SSE) rendah paling tinggi kekerapan kesalahan, iaitu 1,213. Seterusnya, kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar membuat latihan-latihan TB dengan kekerapan 'kadangkala', yakni kekerapan antara 1-2 kali sebulan. Adalah terbukti bahawa pelajar masih lemah penguasaan TB BM. Keputusan kajian mempunyai implikasi kepada strategi pengajaran dan pembelajaran BM di sekolah-sekolah.

Selain itu, satu lagi kajian telah dijalankan oleh Siti Baiduri binti Kasiran & Nurul Jamilah binti Rosly (2011). Tujuan utama kajian ini menganalisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari kursus Bahasa Melayu II untuk Pelajar Asing (LM 1011) di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hasil kajian juga mendapati bahawa kesalahan ortografi, iaitu kesalahan penggunaan ejaan dan huruf besar/kecil paling banyak dilakukan pelajar (270 kesalahan). Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek ayat, iaitu ayat tunggal dan ayat saduran (98 kesalahan), diikuti kesalahan aspek frasa, iaitu frasa nama, frasa kerja dan frasa sendi nama (65 kesalahan). Kesalahan yang paling rendah dari segi kekerapan ialah kesalahan penggunaan aspek kata iaitu imbuhan, kata hubung dan kata pemeri (57). Berdasarkan soal selidik, kebanyakan pelajar melakukan kesalahan tatabahasa disebabkan gangguan bahasa ibunda, sikap pelajar dan keadaan persekitaran bahasa di universiti. Bagi menangani masalah ini, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa hendaklah ditingkatkan. Bimbingan yang berterusan daripada guru/pensyarah, pembelajaran bahasa melalui multimedia serta penganjuran aktiviti bahasa seperti kuiz, lakonan dan lawatan penting dalam menggalakkan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Mazlina Baharudin & Rohaida Idris (2016) bertujuan untuk menganalisis kesalahan tatabahasa dalam karangan pelajar asing yang mempelajari kursus Bahasa Malaysia I (LKM 100) sebagai kursus universiti yang wajib lulus sebagai syarat pengijazahan bagi pelajar antarabangsa di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu metodologi kepustakaan sepenuhnya. Kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan mereka dijadikan sebagai data kajian. Kajian ini hanya memfokuskan kesalahan penggunaan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dalam karangan yang dihasilkan oleh pelajar. Manakala Lee, Chai Chuen. (2007). Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Kajian beliau lebih tertumpu kepada kesalahan penggunaan dalam ayat sahaja.

Selain itu, analisis pola-pola pembentukan kata perkataan dalam sembang maya dialek Kelantan yang ditulis oleh Aminuddin Bin Othman (2010). Mengikut linguistik, pembentukan kata ialah proses pembentukan perkataan baru. Kata boleh dibentuk melalui tiga cara utama iaitu pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian lapangan dengan mengagihkan borang soal selidik kepada 80 orang pelajar diploma yang mempelajari bahasa Kebangsaan di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Pada peringkat awal, pengkaji mengenal pasti masalah pembinaan ayat dalam kalangan pelajar KIAS. Oleh itu, pengkaji akan membuat penambahbaikan dengan menghasilkan modul untuk memudahkan pelajar mempelajari bahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini hanya tertumpu kepada aspek morfologi sahaja. Data kajian dikumpul melalui agihan borang soal selidik. Data-data seterusnya dianalisis menggunakan dua kaedah yang utama, iaitu analisis statistik untuk mencari kekerapan dan peratusan kesalahan penggunaan imbuhan mengikut kategori imbuhan kata kerja bahasa Melayu berdasarkan teori sistemik. Analisis kedua, iaitu menggunakan teori sistemik bagi menghuraikan dan menjelaskan salah betul penggunaan jenis-jenis kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti dalam borang soal selidik. Dengan menggunakan pendekatan teori sistemik, khasnya melalui peraturan sintagmatik, segala bentuk kesalahan imbuhan dapat diterangkan dengan saintifik dan terperinci. Kesemua jenis kesalahan imbuhan dapat dikaitkan secara sistematik. Kaitan secara sistematik ini bermaksud kesalahan penggunaan imbuhan bagi setiap kategori itu mempunyai motivasinya tersendiri yang boleh diterangkan.

Dapatan Kajian

Bahagian ini melaporkan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, kursus, tahun pengajian dan tempat tinggal. Kaedah kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis latar belakang responden. Analisis data latar belakang kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	9	11.3
Perempuan	71	88.8
Jumlah	80	100

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah bilangan responden adalah 80 orang. Dari jumlah ini seramai 9 orang (11.3%) adalah lelaki manakala 71 orang (88.8%) adalah perempuan. Jumlah bilangan pelajar perempuan lebih ramai sebagai responden adalah kerana mereka mempunyai bilangan yang paling ramai yang melanjutkan pelajaran di IPTS.

Jadual 2: Analisis Jenis Kursus Pengajian Yang Diikuti

Kursus	Bilangan	Peratus
DPI	13	16.3
DPAK	38	47.5
DKI	6	7.5
DQT	5	6.3
DTQ	12	15.0
DBI	6	7.5
Jumlah	80	100

Jadual 2 menunjukkan taburan kursus pengajian responden. Taburan menunjukkan responden yang mengambil DPI seramai 13 (16.3 %) diikuti kursus DPAK seramai 38 (47.5 %). Manakala kursus DKI pula adalah seramai 6 (7.5 %), kursus DQT seramai 5 (6.3 %), DTQ seramai 12(15.0 %) dan akhir sekali kursus DBI seramai 6 (7.5 %). Hal ini menunjukkan pelajar DPAK yang paling ramai menjadi responden dalam kajian ini. Hal ini kerana, pelajar DPAK adalah pelajar yang paling ramai yang mengambil kursus bahasa kebangsaan pada semester ini dan ianya terdiri daripada pelajar semester 1,2,3 dan juga semester 4 iaitu tahun akhir.

Jadual 3: Analisis Tahun Pengajian Responden

Semester	Bilangan	Peratus
Semester 1	31	38.8
Semester 2	12	15.0
Semester 3	13	16.3
Semester 4	24	30.0
Jumlah	80	100

Jadual 3 menunjukkan tahun pengajian responden mengikut semester. Majoriti pelajar adalah terdiri daripada pelajar semester satu tahun satu pengajian, iaitu 31 (38.8%), diikuti oleh pelajar semester dua iaitu 12 (15.0%) dan semester tiga iaitu sebanyak 13 (16.3 %). Seterusnya diikuti oleh pelajar semester empat seramai 24 (30.0%).

Jadual 4: Analisis Tempat Tinggal Responden

Tempat	Bilangan	Peratus
Bandar	45	56.3
Luar Bnadar	35	43.8
Jumlah	80	100

Jadual 4 menunjukkan analisis terhadap tempat tinggal responden menunjukkan responden yang menetap di bandar seramai 45 (56.3%) dan menetap di luar bandar ialah 35 (43.8%). Berdasarkan hasil kajian, kebanyakan pelajar berasal daripada bandar. Hal ini kerana, KIAS adalah sebuah pusat pengajian yang berbentuk agama dan sudah diketahui umum. Kebanyakan pelajar berasal daripada bandar yang merangkumi pelusuk dunia.

Objektif Kajian

Mengenal pasti jenis-jenis imbuhan apitan kata kerja bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar-pelajar dalam penulisan.

Imbuhan Apitan Kata Kerja Apitan /meN-...-kan/.

Soalan 1: Pelajar diminta agar *menjauhkan* pergaulan bebas.

Jadual 5: Imbuhan Apitan /MeN-.../ + jauh /-kan/

	Kekerapan	Peratus
Betul	28	35.0
Salah	52	65.0
Jumlah	80	100

Analisis kajian ini berkaitan dengan imbuhan apitan kata kerja yang sering digunakan oleh pelajar. Hasil dapatan menunjukkan kefahaman dan pengetahuan pelajar terhadap tatabahasa Melayu masih lagi kurang dan lemah. Seramai 28 orang pelajar, iaitu (35.0%) telah menjawab ayat tersebut betul dan seramai 52 orang pelajar iaitu (65%) menjawab salah. Pada zahirnya, penggunaan imbuhan dalam ayat tersebut adalah betul dan ayat tersebut adalah gramatis. Imbuhan kata kerja ‘menjauhkan’ maknanya lebih kurang sama dengan ‘menjarakkan’, ‘menghindarkan’, dan ‘mengelakkan’. Jadi, imbuhan /meN-...-kan/ merangkumi apitan /men-...-kan/ dan /meng-...-kan/. Imbuhan /men-...-kan/ mestilah bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan bentuk konsonan /t/, /d/, /c/, /j/, atau /z/ barulah tatabahasa itu betul dari segi ejaan dan sebutan. Objek selepas imbuhan /meN-...-kan/ mestilah benda yang tidak bernyawa.

Soalan 2: Anda perlu *mentelitikan* dalam menjawab soalan analisis kesalahan bahasa.

Jadual 6: Imbuhan Apitan /MeN-.../ + teliti /-kan/.

	Kekerapan	Peratus
Betul	13	16.3
Salah	67	83.8
Jumlah	80	100

Analisis kajian ini berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap tatabahasa Melayu. Seramai 13 orang (6.3%) pelajar menjawab ayat tersebut adalah betul dan seramai 67 orang (83.3%) pelajar menjawab salah. Hasil dapatan menunjukkan ramai pelajar memahami penggunaan imbuhan /meN-...-kan/ apabila bergabung dengan kata dasar iaitu kata kerja ‘teliti’ akan membentuk kata terbitan ‘meneliti’ bukan membentuk kata terbitan ‘menelitikan’. Hal ini kerana, kata dasar yang bermula dengan fonem /p/, /t/, /k/, dan /s/ akan digugurkan apabila bertemu dengan imbuhan /me-/ dan diganti dengan fonem yang sama dengan daerah artikulasi iaitu /t/ = /n/. Selain itu, perkataan ‘meneliti’ bermaksud memeriksa atau mengkaji sesuatu dengan teliti. Walaupun perkataan ‘menelitikan’ masih digunakan oleh segelintir pelajar tetapi perkataan tersebut adalah salah dari segi tatabahasa Melayu.

Imbuhan Apitan Kata Kerja /meN-...-i/.

Soalan 3: Samad telah *mengimani* Siti dalam solat zohor.

Jadual 7: Imbuhan Apitan /MeN-.../ + iman /-i/

	Kekerapan	Peratus
Betul	32	40.0
Salah	48	60.0
Jumlah	80	100

Analisis kajian ini berkaitan dengan sistem ejaan kata imbuhan apitan /meN-...-i/ bergabung dengan kata dasar ‘iman’. Hasil dapatan menunjukkan seramai 32 orang pelajar iaitu sebanyak (40.0%) menjawab betul dan seramai 48 orang iaitu sebanyak (60.0%) menjawab salah. Kesimpulannya, ejaan tersebut adalah betul dari segi penggunaan tatabahasa. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan masih ramai lagi pelajar yang tidak memahami tatabahasa Melayu berkaitan dengan sistem ejaan. Imbuhan apitan /meN-...-i/ akan apabila menjadi /meng-...-i/ apabila huruf pangkal kata dasar tidak berubah apabila digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf-huruf vokal.

Soalan 4: Kemajuan teknologi telah *melalui* abad ke-21.

Jadual 7: Imbuhan Apitan /MeN-.../ + lalu /-i/

	Kekerapan	Peratus
Betul	60	75.0
Salah	20	25.0
Jumlah	80	100

Analisis kajian soalan 18 mengenai kefahaman pelajar terhadap penggunaan tatabahasa Melayu. Dalam kajian ini seramai 60 orang pelajar iaitu sebanyak (75.0%) menjawab ayat bagi soalan 18 adalah betul dan seramai 20 orang iaitu sebanyak (25.0%) menjawab salah. Pada hakikatnya, perkataan ‘melalui’ dalam ayat yang diberikan adalah betul. Oleh itu, penggunaan perkataan ‘melalui’ dalam ayat masih lagi kurang difahami oleh sejumlah pelajar. Imbuhan apitan /meN-...-i/ serta /meN-...-kan/ menjadi /me-/ atau /me-...-i/ dan /meN-...-kan/ apabila kata dasar bermula dengan huruf /m/, /n/, /ŋ/, /p/, /l/, /r/, /w/, dan /y/ tidak akan berubah pada kata terbitan. Hal ini kerana, perkataan ‘melalui’ menunjukkan golongan kata kerja’. Contoh lain, perkataan ‘laris’ apabila menerima imbuhan /meN-...-i/ akan menjadi ‘malariskan’.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar diploma masih melakukan kesalahan dalam penggunaan imbuhan bahasa Melayu, terutamanya dalam apitan kata kerja seperti /meN-...-i/, /meN-...-kan/, /mempeR-...-i/, dan /mempeR-...-kan/. Selain itu, kesalahan ejaan turut berlaku semasa penulisan di kelas. Kesalahan tatabahasa ini boleh menjelaskan penggunaan bahasa Melayu. Pelajar perlu mengubah pandangan bahawa bahasa Melayu sukar dipelajari. Penguasaan bahasa Melayu dapat ditingkatkan melalui pembacaan bahan-bahan seperti surat khabar, majalah, dan buku cerita, yang dapat membantu memahami gaya bahasa dan fungsi perkataan dalam ayat. Minat terhadap bahasa ibunda juga penting dalam memudahkan proses pembelajaran. Kajian ini hanya menumpukan kepada kesalahan imbuhan dalam kalangan pelajar diploma yang mengambil kursus bahasa Kebangsaan, dengan 80 orang responden sebagai sampel.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar diploma menghadapi kelemahan dalam penggunaan imbuhan apitan kata kerja bahasa Melayu. Kelemahan ini dapat diatasi dengan memberi penekanan kepada pengajaran imbuhan dalam ayat, sama ada melalui penerangan betul salah mengikut buku tatabahasa, latih tubi, atau kaedah permainan di bilik darjah. Ketegasan tenaga pengajar dalam memupuk sikap positif pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, pendekatan sistemik dalam kajian ini membolehkan kesalahan imbuhan diterangkan secara saintifik dan terperinci, dengan setiap kesalahan dikaitkan secara sistematik, menunjukkan motivasi tertentu di sebalik penggunaan imbuhan tersebut.

Rujukan

- Asmah Haji Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin Bin Othman. (2010). *Analisis Pola-pola Pembentukan Perkataan dalam Sembang Maya dialek Kelantan*.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choo Say Tee dan Mohd Khir Kassim (2014). Teks Pra-U STPM Bahasa Melayu Penggal 2. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Corder, S. P. (1967) The significance of learners' errors. Reprinted in J.C Richards (ed.) (1974,1984) Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition. London: Longman, pp. 19-27 (Originally in International Review of Applied Linguistics, 5 (4)
- Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 5(4).
- Jeniri Amir (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai *Jurnal Dewan Bahasa*.Jilid 5(4).
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat@Ahmad. (2001). Keperluan pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta. *Jurnal Pendidikan* 26, 21-36
- Lee, Chai Chuen. (2007). Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mazlina Baharuddin dan Rohaida Idris (2006). Analisis Kesalahan Tatabahasa dalam kalangan Pelajar Asing yang Mempelajari Kursus Bahasa Malaysia (LKM 100) Tesis sarjana yang tidak diterbitkan.: Universiti Sains Malaysia.
- Muhammed Salehudin Aman. (1993). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah agama atas. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, et. al.(2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asmah Abd.Aziz. (2009). Penggunaan kata hubung bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah menengah: satu analisis kesilapan. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nora binti Yusof (2012) Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Cina Tingkatan 2: Satu Analisis Sistemik. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Baidura binti Kasiran, Nurul Jamilah binti Rosly. (2011). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Supian Mohamad Noor. (1994). Analisis kesalahan penggunaan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat KBSM: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Umaimah binti Kamarulzaman (2013). Analisis Kesalahan Imbuhan Bahasa Melayu oleh Pelajar Asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam.